

Headline **Tingkat kesedaran peranan NGO**
Date **05 Jul 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u30**
Article Size **307 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,688**
PRValue **5,064**



Tingkat kesedaran peranan NGO

150 peserta sertai Konvensyen Sukan Untuk Semua Pulau Pinang 2011

GOKINA MORGANAN

GEORGETOWN - Lebih 150 peserta daripada pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) sukan menyertai Konvensyen Sukan Untuk Semua Pulau Pinang 2011, anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri di Hotel Vistana di sini, Ahad lalu.

Penolong Pengarahnya, Wan

Muhammad Khairul Nazri Abd Rahman berkata, konvensyen bertemakan 'Memartabatkan NGO Sukan Massa' bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran mengenai peranan NGO sukan dalam meningkatkan atlet pelapis ke arah pembangunan sukan negara.

Menurutnya, ia membantu meningkatkan kualiti dan juga status kewibawaan NGO sukan pada masa depan," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Sehubungan itu, Wan Muhammad berkata, semua peserta menghadiri konvensyen itu diberikan pendedahan menerusi taklimat iaitu NGO Sukan Massa dalam Penyediaan Bakat-bakat Sukan Negara, Pengurusan Cemerlang NGO Sukan Massa Terbilang, Pe-

Headline **Tingkat kesedaran peranan NGO**
Date **05 Jul 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u30**
Article Size **307 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,688**
PRValue **5,064**

ranan NGO Dalam Pembangunan Sukan Orang Kurang Upaya selama enam jam dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

“Taklimat kesedaran disampaikan Mustaffa Ibrahim dari Unit Kokurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, Dr Haim Hilman Abdullah dari Unit Perancangan dan Strategik, Institut Pengurusan Kualiti Universiti Utara Malaysia dan Dr Tiun Ling Ta dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia,” katanya.

Majlis penutupan konvensyen disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Syed Amerruddin Syed Ahmad.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Abdul Jalil A Rashid.



Sebahagian peserta yang menghadiri Konvensyen Sukan Untuk Semua Pulau Pinang 2011.